

UTUSAN MALAYSIA 27/3/2013 (Khamis)



AHMAD Razif Abdul Rahman (dua dari kanan) menyampaikan Netbook 1Malaysia dan Baucar Buku 1Malaysia kepada pelajar Institut Al-Quran Terengganu di Kuala Terengganu, kelmarin.

IQT rangka program sebelum dinaik taraf jadi kolej

KUALA TERENGGANU 27 Mac - Institut al-Quran Terengganu (IQT) sedang merangka beberapa program ke arah mantap dan mengukuhkan perkembangannya, selaras dengan langkah kerajaan negeri untuk menaik taraf institusi berkenaan menjadi kolej.

Pengarahnya, M. Rozi Bidin berkata, bagi tujuan itu, IQT telah mengadakan satu perbincangan awal dengan Naib Canselor dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Tekno-

logi Mara (UiTM) berhubung jalinan kerjasama dalam membantu merealisasikan hasrat berkenaan.

Beliau berkata, setakat ini, hasil perbincangan menunjukkan petanda positif dan perbincangan lanjut akan diadakan dari semasa ke semasa.

"Pada masa yang sama, bagi memastikan pelajar IQT dapat menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, kita juga telah mengadakan perbincangan dengan Universiti Islam Ma-

dinah dan Universiti Ummul Qurra di Mekah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis penyerahan Netbook 1Malaysia dan Baucar Buku 1Malaysia (BBIM) kepada 191 pelajar institusi berkenaan di sini semalam.

Penyerahan tersebut disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman.